

Oleh Sarah Aina Shawal
sarah.aina@bh.com.my

▸ Nilai

Anggota Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), dengan kerjasama 1Malaysia For Youth (iM4U) meneruskan tradisi memasak bubur lambuk secara bergotong-royong untuk diedarkan kepada orang ramai bersempena dengan bulan Ramadan tahun ini.

Naib Yang Dipertua MPP USIM, Muhammad Azizi Alias, berkata program itu yang diadakan di Taman Desa Melati di sini, baru-baru ini, disertai seramai 15 anggota majlis terabit bersama-sama kakitangan universiti berkenaan.

Beliau berkata, peserta berganding bahu dari jam 12 tengah hari hingga 5 petang untuk melakukan persiapan memasak hinggalah selesai proses membungkus bubur lambuk yang disediakan.

“Sebanyak 300 bungkus bubur lambuk berjaya diagihkan kepada pengunjung Bazar Ramadan Nilai dalam tempoh 15 minit sahaja.

Sedekah bubur lambuk di bazar

Manfaatkan cuti semester “Sesungguhnya memberi makan kepada orang yang berbuka puasa besar ganjarannya. Hadis Rasulullah SAW menyatakan barang siapa memberi makan untuk berbuka kepada orang yang berpuasa, maka baginya pahala yang sama seperti pahala orang yang berpuasa itu tanpa mengurangi pahala orang yang berpuasa itu sedikit pun (Hadis Riwayat Tarmizi),” katanya.

Muhammad Azizi berkata, penganjuran program itu

bukan sahaja mengeratkan hubungan sesama ahli MPP dan kakitangan USIM, malah memupuk amalan bersedekah dalam kalangan umat Islam.

Selain itu, beliau berkata, peserta juga dapat memanfaatkan cuti semester dengan melakukan aktiviti yang memberi pengalaman baharu kepada mereka.

“Seperti umat Islam sedia maklum, Allah SWT mengangkat darjat orang yang bersedekah lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan”, katanya.



Warga USIM mengagihkan **bubur lambuk kepada orang ramai.**